



DIDAKWA: Kelima-lima tertuduh dikawal ketat ketika keluar dari bangunan mahkamah menuju ke kenderaan polis pagi semalam.

Warga asing didakwa membunuh rakan sekerja

MIRI: Seorang buruh ladang warga asing dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membunuh seorang rakan sekerja yang juga rakan senegara dalam kejadian awal bulan ini.

Tertuduh, 19, dari Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati dan sekiranya tidak dihukum mati, boleh dipenjarakan tidak kurang daripada 30 tahun serta tidak melebihi 40 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan pembunuhan hingga menyebabkan kematian A. Akmal, 33, dari Bulukumba, Sulawesi Selatan, Indonesia.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara jam 10 malam 1 November dan jam 3.30 pagi 2 November lalu di sebuah ladang kelapa sawit di kawasan Tinjar, Baram.

Tertuduh turut didakwa dalam pertuduhan berasingan bersama empat lagi rakan sekerja yang berusia antara 19 dan 37 tahun, di bawah Seksyen 201 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 34 kanun sama kerana menyembunyikan kematian mangsa.

Warga asing didakwa membunuh rakan sekerja

► Dari Muka 1

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda, jika sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan kes, kelima-lima tertuduh didakwa menyembunyikan kematian A.Akmal dengan cara menguburkan mayatnya tanpa melaporkan kepada pihak polis dan mangsa juga tidak dibawa ke hospital.

Kesalahan itu didakwa dilakukan mereka dengan niat bersama pada masa dan di tempat yang sama.

Tiada pengakuan salah tertuduh direkodkan dan mahkamah menetapkan 16 Disember depan untuk sebutan lanjut kes, manakala kesemua tertuduh yang tidak

ditawarkan jaminan diperintahkan ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri sementara menunggu tarikh tersebut.

Pendengaran kes dibuat menerusi aplikasi Zoom di hadapan Majistret Ashok Linggam dengan pendakwaan dikendalikan ASP Mary Ong, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Kesemua mereka ditangkap pada jam 8.30 malam, 14 November di kawasan ladang tersebut susulan laporan polis yang dibuat oleh waris mangsa pada hari kejadian.

Mayat mangsa yang dipercayai ditanam secara senyap di sebuah kawasan perkuburan Islam di Niah telah digali semula oleh pihak polis pada 20 November lalu untuk tujuan forensik.